

**PERSPEKTIF MASYARAKAT KAMPUNG TERHADAP PERMASALAHAN MINUM  
ARAK DI KALANGAN REMAJA KAMPUNG SEBERANG (BOYAN, GERSIK,  
SOURBAYA, DAN PANGLIMA SEMAN) KUCHING, SARAWAK**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MALAYSIA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NURUL KHAIRIAH KHALID**

**ABDUL RAZAK ABDUL KADIR**

**UMMI SYARAH ISMAIL**

**MEI 2010**

## ISI KANDUNGAN

Abstrak		viii
BAB I	PENDAHULUAN	1
1.1	Latarbelakang Masalah	1
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Persoalan Kajian	3
1.4	Kepentingan Kajian	4
1.5	Skop Kajian/Batasan Kerja	4
1.6	Definisi Terma/Konsep	4
1.7	Kajian Literatur	5
1.8	Sistematika Penulisan	5
BAB II	KERANGKA TEORETIK	7
2.1	Makna Sikap, Tindakan dan Harapan	7
2.2	Sikap <i>Amr bi al-Makruf wan Nahyi an al-Munkar</i>	7
2.3	Tindakan <i>Amr bi al-Makruf wan Nahyi an al-Munkar</i>	10
2.4	Sikap Benci Api Neraka	12
2.5	Tindakan Benci Api Neraka	16
2.6	Sikap Berlumba ke Arah Kebaikan	16
2.7	Tindakan Berlumba ke Arah Kebaikan	18
2.8	Sikap Hukum Yang Mendidik atau Mengancam atau Menghukum	19
2.9	Tindakan Yang Mendidik atau Mengancam atau Menghukum	20
2.10	Sikap Kepedulian Sosial	21
2.11	Tindakan Kepedulian Sosial	23
2.12	Harapan Allah SWT Kepada Hamba-Nya	26
2.13	Harapan Allah SWT Kepada Pemimpin	30

## Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti perspektif masyarakat Kampung Seberang terhadap permasalahan minum arak di kampung tersebut. Kajian ini penting kerana fenomena minum arak ini memberi kesan jangka pendek dan jangka panjang serta mengundang pelbagai masalah kepada individu dan masyarakat. Perspektif masyarakat terhadap permasalahan ini dapat menentukan sejauh mana seriusnya masalah ini serta tahap kerjasama yang akan diberikan oleh masyarakat kampung bagi menangani fenomena minum arak di kampung mereka. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data dan penganalisan data secara deskriptif. Hasil kajian mendapati ialah sikap boleh dibahagikan kepada dua iaitu sikap positif (menolak gejala minum arak di kampung Seberang) dan sikap negatif (menerima). Dapatan kajian mendapati terdapat konsistensi responden terhadap penolakan gejala minum arak di kampung Seberang. Tindakan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pasif, aktif dan proaktif. Responden tidak bersetuju (menolak) tindakan pasif dan bersetuju untuk tindakan aktif. Ironisnya responden tidak berani untuk tindakan proaktif dan mengharapkan pihak ketiga untuk melaksanakannya. Manakala harapan boleh dibahagikan kepada dua iaitu kepada peminum arak dan pihak berkuasa. Harapan kepada peminum arak agar dapat melakukan perubahan dan tindakan positif (berubah). Manakala harapan kepada pihak berkuasa dapat melakukan sebarang perubahan positif untuk menyelesaikan masalah arak di kampung seberang. Penyelesaian menyelesaikan masalah arak di kalangan belia Kampung Seberang perlu kepada tindakan yang efektif oleh pihak luar (berwajib).

*Keywords*—Perspektif, Permasalahan; Minum Arak; Kampung Seberang

# BAB I PENDAHULUAN

## 1.1 Latarbelakang Masalah

Pendahuluan ini akan menghuraikan latar belakang masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, skop/batasan kajian, definisi terma/konsep, kajian literatur, metodologi kajian dan sistematik penulisan. Ia bertujuan bagi mengetahui isi utama perbincangan kajian ini dan dapat membantu pengkaji mencapai matlamat sebenar kajian dijalankan serta mempermudah pengkaji menjalankan kajian.

Arak ialah minuman yang memabukkan. Dalam bahasa Arab dinamakan "*khamar*". Ia berasal dari perkataan "*khamara*" ertinya menutupi. Seseorang yang minum arak atau *khamar*, biasanya ia akan mabuk, hilang akal fikirannya, tertutup jalan kebenaran dan ia lupakan dirinya dan lupakan Allah SWT. (Abu Mazaya al-Hafiz, 2004, h. 441)

*Khamar* adalah bahan yang mengandungi alkohol yang memabukkan. *Khamar* boleh berupa perahan anggur, kurma dan lain-lain. *Khamar* adalah keras yang merosak akal. Mengikut jumbuh ulama bahawa *khamar* adalah setiap minuman yang memabukkan dan merosak akal, yang terbuat dari campuran air dan perahan anggur. *Khamar* merupakan penyebab terjadinya permusuhan dan kebencian di antara manusia bahkan sesama teman. Hal ini kerana peminum *khamar* mabuk sehingga hilang akal yang menyebabkan lahirnya pelbagai perkataan dan amalan buruk yang menyakiti manusia. Pemabuk juga selalunya menyombongkan diri dan cepat marah. (Abu Mazaya al-Hafiz, 2004, h. 442)

Selain itu *khamar* juga menyebabkan kerosakan agama iaitu menghalang seseorang dari mengingat Allah SWT. dan melaksanakan solat. (Abu Mazaya al-Hafiz, 2004, h. 443). Allah SWT memhubungkan antara *khamar* dengan judi serta penyembelihan korban yang diperuntukan untuk berhala dan pengundi nasib dengan anak panah kerana hal itu termasuk amalan khurafat syirik seperti yang dikatakan oleh Harits bin Abi Salamah dari Ibn Umar bahawa peminum *khamar* seperti penyembahan berhala atau biasa dikenal dengan *Latta* dan

## BAB II

### KERANGKA TEORETIK

#### 2.1 Makna Sikap, Tindakan dan Harapan

Sikap bermaksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat atau fikiran. (Kamus Dewan Edisi 4, 2005, h. 1491). Tindakan bermaksud langkah yang diambil (untuk mengelakkan dan mengatasi sesuatu). Ia boleh dilaksanakan dengan mengadakan peraturan-peraturan sebagai mencegah atau menyelesaikan sesuatu perkara. (Kamus Dewan, 2007, h. 1689). Manakala harapan adalah daripada kata akar 'harap' yang membawa maksud menginginkan, berhasrat, menantikan dan menunggu. (Kamus Lengkap 330:1990)

Dalam penulisan ini, penulis melihat lima sikap dan tindakan yang perlu ada untuk melihat persoalan tentang minum arak iaitu Sikap *Amr bi al-Makruf wan Nahyi an al-Munkar*, Sikap Benci Api Neraka, Sikap Berlumba ke Arah Kebaikan, Sikap Hukum Yang Mendidik atau Mengancam atau Menghukum dan Sikap Kepedulian Sosial. Manakala harapan dilihat dari aspek harapan Allah SWT kepada hamba-Nya, harapan Allah SWT kepada pemimpin,

#### 2.2 Sikap *Amr bi al-Makruf wan Nahyi an al-Munkar*

Salah satu sikap yang mesti wujud pada setiap orang yang mengaku beriman dengan Allah SWT adalah bersikap "*al-Amr bi al-Makruf*" dan "*al-Nahyi an al-Munkar*". Sikap ini yang membentuk pola pembeza antara yang baik dan buruk, positif mahupun negatif dan antara yang hak dan batil. Hal ini dikaitkan dengan suka kepada perintah Allah SWT yang wajib dan membencikan kepada kebatilan (seperti arak). Al-Quran membahaskan sikap "*al-Amr bi al-Makruf*" dan "*al-Nahyi an al-Munkar*" dalam beberapa ayat pada surah yang berbeza. Antaranya ialah surah al- Araf, ayat 158 iaitu yang bermaksud (T.M Hasbi As-Shiddiqy, *et. al*, 1996, h.246-247):